



LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA
SURAT PEKELILING BIL. 1/2021

PENGGUNAAN COP RASMI JURUUKUR BAHAN BERDAFTAR

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memberi maklumat kepada ahli-ahli berkaitan penggunaan cop rasmi Juruukur Bahan Berdaftar selepas ini membawa maksud ahli-ahli dikalangan Consultant QS (CQS) dan Professional QS (PQS). Penetapan penggunaan cop baharu ini adalah salah satu inisiatif prihatin Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) dimana ianya akan dijual pada kadar hampir lima puluh peratus (50%) lebih rendah berbanding dengan harga cop rasmi yang terdahulu.

2.0 LATAR BELAKANG


Sepertimana semua sedia maklum, Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) melalui Surat Pekeliling Bil. 2/2008 telah menetapkan semua dokumen yang dikeluarkan oleh Juruukur Bahan Berdaftar yang diedarkan kepada klien, pihak perunding dan kontraktor hendaklah menggunakan cop rasmi Juruukur Bahan. Dokumen-dokumen yang terlibat adalah: -

- Perjanjian Pelantikan Juruukur Bahan Perunding;
- Laporan Kajian Fisibiliti;
- Anggaran Awalan (*Preliminaries*) dan Pelan Kos (Termasuk Abstrak Terperinci Awalan Bagi Projek-Projek Kerajaan);
- Laporan Pra-Kelayakan Kontraktor;
- Anggaran Tender;
- Laporan Tender;
- Tender Sebagai Abstrak Terperinci Bagi Projek-Projek Kerajaan;
- Analisa Kos;
- Penilaian Interim;
- Penyata Kewangan;
- Pesanan Variasi;
- Penyata Akaun Muktamad;
- Siap Sebagai Abstrak Terperinci Bagi Projek-Projek Kerajaan.

3.0 PERATURAN BAHARU PENGGUNAAN COP RASMI

LJBM melaksanakan inisiatif prihatin dengan menetapkan penggunaan cop rasmi baharu yang dijual pada kadar RM100.00 seunit berbanding dengan harga cop rasmi yang terdahulu iaitu RM208.00 seunit. Cop baharu ini boleh dibuat isian semula (*ink refill*) dengan kebolehpayaan penggunaan tiga ribu (3,000) cetakan bagi setiap unit.

Contoh:



Tempahan cop rasmi Juruukur Bahan Berdaftar sediaada akan ditamatkan pada **31 Mei 2021** manakala semua cop rasmi yang ditempah sehingga 30 Mei 2021 boleh digunapakai sehingga **31 Disember 2021** atau sehingga dakwat cop tersebut habis digunakan, mana-mana yang lebih awal. Borang tempahan cop rasmi yang baharu boleh dimuat turun daripada portal rasmi LJBM di www.bqsm.gov.my.

4.0 PENGUATKUASAAN DAN PERLAKSANAAN

Ketetapan ini berkuatkuasa daripada tarikh Surat Pekeliling ini dan terpakai ke atas semua permohonan tempahan dan penggunaan cop rasmi Juruukur Bahan Berdaftar. Sebarang pindaan dalam tempoh penguatkuasaan ini akan dimaklumkan daripada semasa ke semasa. Surat Pekeliling LJBM Bil. 2/2008 adalah dengan ini dibatalkan.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi En Razif Bin Mohamed di talian 03-26107803 atau melalui email kepada perolehan@bqsm.gov.my

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


.....
PROF. (ADJUNG) DATO' Sr AZIZ BIN ABDULLAH, CQS

Yang Dipertua

Lembaga Juruukur Bahan Malaysia

Tarikh : 1/6/2021.